



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
23 Mac 2020

1. Pada hari ini, 28 Rejab 1441 bersamaan 23 Mac 2020, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai **3** lagi kes baru yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes di negara ini ialah 91 orang.**
 - Kes 89 berumur 51 tahun adalah kontek kerja kepada Kes 69. Beliau mula mengalami demam dan batuk pada 16 Mac 2020.
 - Kes 90 berumur 40 tahun adalah juga kontek kerja kepada Kes 69. Beliau mula mengalami tanda-tanda demam dan batuk pada 14 Mac 2020.
 - Kes 91 berumur 36 tahun telah pulang ke negara ini pada 20 Mac 2020 dengan menaiki pesawat Royal Brunei BI796 (tempat duduk 32A) setelah bercuti di Surabaya, Indonesia bersama keluarga dan rakannya. Beliau mula mengalami demam panas, sakit kepala, batuk dan selsema pada 21 Mac 2020.

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa daripada 89 kes yang pada masa ini masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, seorang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan, tiga orang dalam pemantauan rapi manakala selebihnya dalam keadaan yang baik.
3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa pada ketika ini seramai 1,634 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 282 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 3,191 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
4. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa untuk mempertingkatkan lagi pengesanan kes COVID-19 di negara ini, Kementerian Kesihatan akan menjalankan ujian makmal COVID-19 bagi mereka yang menjalani pengasingan di kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dan yang menjalani pengasingan diri di rumah masing-masing. Keutamaan akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan tertentu seperti mereka yang berkongsi bilik di tempat pengasingan.
5. Dalam pada itu, bagi membantu usaha pihak Kerajaan mengawal penularan wabak COVID-19 dan mengesan sebarang kes jangkitan dengan segera, pemilik-pemilik bangunan, hotel, apartmen dan hostel yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang dapat digunakan oleh

pihak Kerajaan adalah dialu-alukan untuk tampil mendaftarkan bangunan atau kemudahan milik masing-masing untuk digunakan sebagai tempat pengasingan bagi sesiapa yang telah membuat perjalanan antarabangsa dan baru tiba ke negara ini. Pemilik-pemilik bangunan, hotel, apartmen atau hostel tersebut bolehlah menghubungi **Pusat Bencana Kebangsaan** di talian **7190521** pada bila-bila masa.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Rejab 1441H / 23 Mac 2020